

Soal Pendidikan:

KEWAJIPAN DAN TANGGUNGJAWAB KITA KEPADA MASYARAKAT PENGARUH YANG BERACUN

Di bawah ini kita hidangkan pati tulisan seorang pelajar Islam dari “Iḥyā’ al-‘Ulūm” Tanjung Pauh Jitra Kedah menggambarkan setakat mana pengaruh barat yang beracun telah mneyerap ke dalam masyarakat pada hari ini—P.Q.

(Oleh Aḥmad Humām Yūsuf)



Dunia sekarang sedang bergelora dengan suasana yang mengharukan, perbuatan maksiat telah berleluasa, manusia tidak lagi mengendahkan ajaran Islam. mereka telah tidak pandang-pandnag lagi ke sekolah agama, mereka pejam mata, membutakan hati dan menyumbat mulut dan telinga, terus melontarkan anak-anak mereka ke sekolah asing bulat-bulat. Mereka tidak tertarik lagi kepada pelajaran Islam. Mereka lebih tertarik kepada pelajaran barat yang dipandang lebih menyelamatkan mereka daripada pelajaran Islam. Mereka tidak mempunyai pengangan yang boleh dipercayai, perdirian mereka telah goyang serta tergagu-gagu, mereka takut kepada kebecakkan kemiskinan, kemeleretan dan kebuluran lebih dari Allah.

Sekarang kita boleh lihat hasil pendidikan dan asuhan barat. Tempat-tempat hiburan dan kelab-kelab yang di dalamnya digunakan untuk memperlakukan kehendak hawa nafsu dengan sekeras-kerasnya seperti berjoget, *berdancing*, minum arak, berjudi. Pendek kata segala asuhan barat sedang dikemukakan secara berterang-terang kepada umum terutamanya di bahagian bandar-bandar terus menerus menyinggung kehormatan Islam dan menurut Islam agama kolot dan agama yang sudah lapuk tidak

sesuai lagi untuk pakaian manusia dalam zaman serba moden ini.

Ibu bapa adalah dipersilakan menghantar anak-anaknya mempelajari Islam supaya mereka kelak mengenal akan Islam, mengenal orang-orang alim dan ahli-ahli ilmu, mengenal akan surau dan masjid, mengenal akan kewajipan mereka terhadap masyarakat dan juga tidak akan mudah menerima bulat-bulat pengaruh barat yang mengandungi racun itu tetapi dapat memilih ilmu pengetahuan barat yang berguna dan membwa kemajuan.

Kesedaran bagi penuntut-penuntut yang tamat dan luas daripada menerima didikan secara barat semata-mata adalah hakikatnya kecewa dan rugi di dalam serba lapangan tetapi jika sekiranya tuan-tuan ingin hidup di dalam kebahagiaan dan kesenangan di dunia dan akhirat kelak, tuan-tuan tak dapat tidak lemparkan terlebih dahulu adat-adat barat yang tuan-tuan pakai itu. Terus tanamkan ke dalam bumi sana, jangan dibiarkan hidup. Hancur-hancurkan sehingga menjadi debu, kemudian ambillah pelajaran-pelajaran yang bersesuaian dengan dasar perjalanan Islam. Bukakan mata terus halakan pandangan menuju ke jalan kebahagiaan dengan menyelidiki

isi mutiara yang terkandung di dalam Islam dengan cara membaca majalah yang berdasarkan hal ehwal Islam, buku-buku Islam dengan jalan ini tuan-tuan dapat memperbaiki kehidupan tuan-tuan dalam erti kata yang sebenar dan akan diakui oleh masyarakat penganut agama Allah, penganut agama Muhammad, penganut yang tegak bernaung di bawah bandaraya *La ilaha illā Allāh Muḥammad Rasūl Allāh* dengan tulus ikhlas dan suci hati memperjuangkan dan mempertahankan Islam daripada terjebur ke lembah kehinaan seperti yang berlaku pada hari ini.

Anak-anak dan pemuda-pemuda khususnya yang tidak memihak ke mana-mana pihak marilah palingkan tadah kepada mempelajari Islam dengan hati

yang ikhlas. Ambillah kesempatan belajar agama Islam, bacalah buku-buku Islam. Janganlah asyik membaca majalah-majalah filem sahaja atau majalah-majalah yang tidak memberi faedah untuk makanan rohani. Tukarlah perangai tuan-tuan yang biadap atau yang melanggar batasan agama itu kepada perangai atau akhlak mengikut kehendak perjalanan Islam sambil memelihara adat resam dan kebudayaan bangsa kita serta amalkan walaupun di mana berada, “Apabila kepercayaan bergoyang atau tidak tetap, maka hancurlah kehidupan kita. Apatah lagi zaman sekarang kerana kebudayaan barat yang meresap ke dalam jiwa anak negeri itu sangat-sangat mudah mempengaruhi mereka pada melalaikan kewajipan terhadap Illahi. “Kata seorang pendidik yang berjiwa Islam.

TELEPHONE ٧٦١

Pelajaran Arab
Pelajaran Agama
Pelajaran Inggeris

Belajarlah dengan Pos

| | | |
|--------------------|---------|--------|
| pelajaran agama | sebulan | \$3.00 |
| pelajaran Arab | sebulan | \$3.00 |
| pelajaran Inggeris | sebulan | \$3.00 |

pelajaran dengan pos tiap-tiap minggu penuntut-penuntut baharu diterima kirim wang terus kepada:-

tak payah kalau pergi sekolah
tuan boleh belajar di rumah sahaja

YAHYA ARIFF 37 JALAN KANGSAR KUALA KANGSAR